

**PANDUAN PENGUATKUASAAN
ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Etika Berpakaian Pelajar ini diperbuat dan dikeluarkan berdasarkan peruntukan Kaedah 27, Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009, sebagai suatu arahan bertulis Naib Canselor.
- 1.2 Etika Berpakaian Pelajar ini adalah suatu peraturan cara berpakaian dan penampilan diri yang dikuatkuasakan kepada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Peraturan ini bermatlamat memelihara nama baik USIM dan menampilkan imej yang selari dengan tuntuan Islam yang sebenar sekaligus selaras dengan kedudukan USIM sebagai institusi pengajian tinggi yang berteraskan pendidikan Islam.
- 1.3 Peruntukan yang terkandung di dalam Etika Berpakaian Pelajar ini dijangka dapat membentuk sahsiah dan keperibadian tinggi di kalangan pelajar USIM. Pematuhan terhadap etika ini berupaya mewujudkan suatu suasana kampus yang kondusif dalam usaha membangunkan modal insan yang memiliki nilai-nilai tatasusila, disiplin, harmoni dan menjawai adab sopan.

2. TATACARA AM

- 2.1 Pelajar hendaklah memakai dan memperkenan kad pelajar semasa berada di dalam kawasan kampus atau semasa berurusan dengan mana-mana pejabat di dalam kawasan kampus.
- 2.2 Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar semasa berada di dalam kawasan kampus atau semasa berurusan dengan mana-mana pejabat di dalam kawasan kampus.
- 2.3 Pelajar hendaklah mengamalkan pemakaian yang bersih, kemas, sopan dan sesuai dengan norma atau budaya Malaysia.
- 2.4 Pelajar hendaklah mengelak daripada berpakaian tidak sopan atau mendedahkan tubuh atau mencolok mata di khalayak ramai.
- 2.5 Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian atau aksesori yang bertentangan dengan hukum Islam, adab kesopanan orang timur atau melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan tertentu.
- 2.6 Pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau mana-mana peraturan di tempat-tempat atau pusat-pusat di dalam kampus yang mempunyai peraturan yang berasingan.

3. TATACARA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR LELAKI

3.1 Menghadiri Sesi Pengajaran/Pembelajaran dan Majlis Rasmi

- 3.1.1 Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas (*tuck-in*) iaitu berseluar panjang (*slack*), berbaju kemeja dengan bertali leher atau berbaju kebangsaan yang lengkap, berkasut kulit berwarna hitam dan berstokin.
- 3.1.2 Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- 3.1.3 Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar.
- 3.1.4 Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju.
- 3.1.5 Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala adalah bersongkok berwarna hitam. Pelajar dilarang memakai sebarang bentuk/jenis topi.

3.2 Berada di Kawasan Kampus

- 3.2.1 Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas (*tuck-in*) dan berseluar panjang.
- 3.2.2 Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar.
- 3.2.3 Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju.
- 3.2.4 Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala adalah bersongkok berwarna hitam atau apa-apa bentuk/jenis topi yang bersesuaian. Walaubagaimanapun, pemakaian topi tidak diizinkan di Bangunan Perpustakaan.

3.3 Berada di Kawasan Kolej Kediaman

- 3.3.1 Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas, bersih dan bersopan semasa berada di luar bilik kediaman.
- 3.3.2 Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju.
- 3.3.2 Pelajar hendaklah mengikuti tatacara berpakaian ketika menghadiri sesi pengajaran/pembelajaran atau ketika berada di kawasan kampus sekiranya menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.

3.4 Bersukan dan Beriadah

- 3.4.1 Pemakaian yang longgar dan bersesuaian dengan aktiviti riadah yang akan dijalankan.

- 3.4.2 Pemakaian seluar *tight* sehingga melepas lutut adalah diwajibkan ketika memakai seluar pendek.
- 3.4.3 Pemakaian adalah dengan cara memasukkan baju T-shirt ke dalam seluar *track (tuck-in)* bagi tujuan kekemasan dan keselesaan semasa bersukan.
- 3.4.4 Pemakaian hendaklah kelihatan kemas dengan berambut pendek.
- 3.4.5 Pemakaian kasut yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti sukan atau rekreasi.
- 3.4.6 Seluar *track* yang dipakai hendaklah kelihatan kemas.
- 3.4.7 Seluar *track* yang dipakai hendaklah dizipkan hingga ke penghujung kaki seluar.

4. TATACARA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR WANITA

4.1 Menghadiri Sesi Pengajaran/Pembelajaran dan Majlis Rasmi

- 4.1.1 Pelajar hendaklah berpakaian yang menutup aurat, kemas, sopan dan rapi.
- 4.1.2 Pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat (yang boleh mempamerkan susuk tubuh) dan tidak jarang.
- 4.1.3 Pelajar hendaklah memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.
- 4.1.4 Pemakaian purdah adalah tidak dibenarkan.
- 4.1.5 Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- 4.1.6 Pemakaian alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.

4.2 Berada di Kawasan Kampus

- 4.2.1 Pelajar hendaklah berpakaian yang menutup aurat, kemas, sopan dan rapi.
- 4.2.2 Pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat (yang boleh mempamerkan susuk tubuh) dan tidak jarang.
- 4.2.3 Pemakaian purdah adalah tidak dibenarkan.
- 4.2.4 Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- 4.2.5 Pemakaian alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.

4.3 Berada di Kawasan Kolej Kediaman

- 4.3.1 Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas, bersih dan bersopan semasa berada di luar bilik kediaman.
- 4.3.2 Pelajar hendaklah mengikuti tatacara berpakaian ketika menghadiri sesi pengajaran/pembelajaran atau ketika berada di kawasan kampus sekiranya menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.

4.4 Pakaian sukan/riadah

- 4.4.1 Pemakaian yang longgar dan bersesuaian dengan aktiviti riadah yang akan dijalankan.
- 4.4.2 Pemakaian kain tudung yang tidak terlalu labuh namun masih menutup aurat dan kelihatan kemas supaya selesa ketika bersukan.
- 4.4.3 Pemakaian T-shirt yang berlengan pendek hendaklah disertai dengan sarung tangan (dari lengan hingga ke pergelangan tangan).
- 4.4.4 Pemakaian kasut yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti sukan atau rekreasi.
- 4.4.5 Seluar *track* yang dipakai hendaklah dizipkan hingga ke penghujung kaki seluar sebagai kekemasan berpakaian sukan.
- 4.4.6 Seluar *track* yang dipakai hendaklah longgar, serap peluh dan berwarna gelap.

5. PENGUATKUASAAN PERATURAN

5.1 Tempat Dikuatkuasakan

- 5.1.1 Penguatkuasaan peraturan hendaklah berlaku di tempat-tempat seperti berikut:
 - i. lokasi sesi pengajaran/pembelajaran dan majlis rasmi (termasuk lokasi aktiviti atau program anjuran USIM)
 - ii. kawasan kampus (termasuk lokasi peperiksaan)
 - iii. kolej kediaman

5.2 Agen Penguatkuasaan

5.2.1 Staf Akademik

diberi kuasa memberi peringatan kepada dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas daripada menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran atau sebarang aktiviti fakulti.

5.2.2 Staf Pentadbiran

diberi kuasa memberi peringatan kepada dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas daripada memasuki, berurus atau menggunakan apa-apa kemudahan di dalam kawasan kampus.

5.2.3 Staf Keselamatan

diberi kuasa menyoal selidik, memberi peringatan kepada dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas daripada memasuki atau meninggalkan kawasan kampus.

5.3 Kaedah Penguatkuasaan

5.3.1 Pelanggaran Peraturan Kali Pertama:

Diberi peringatan secara lisan dan boleh direkodkan dan rekod diselengara sendiri oleh agen penguatkuasaan.

5.3.2 Pelanggaran Peraturan kali Kedua dan Seterusnya:

Diberi peringatan secara lisan, boleh direkodkan dan rekod diselengara sendiri oleh agen penguatkuasaan dan boleh dilaporkan kepada Bahagian Keselamatan.

5.4 Peruntukan Penguatkuasaan dan Hukuman

5.4.1 Kaedah 27, Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar 2009) - Pakaian Pelajar

- i. Kaedah 27 (1) memperuntukkan bahawa Naib Canselor boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis, sebagaimana yang difikirkannya perlu berhubung dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kampus.
- ii. Kaedah 27 (2) memperuntukkan bahawa mana-mana pelajar yang tidak mematuhi mana-mana arahan itu, melakukan suatu kesalahan tatatertib.

5.4.2 Kaedah 29, Kaedah Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar 2009) - Hukuman Tatatertib Terus oleh Pihak Berkuasa Tatatertib

Kaedah 29 (1) memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Tatatertib boleh menurut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah 27 di hadapan, atau yang dilihat oleh, pihak berkuasa tatatertib.

5.4.3 Kaedah 50, Kaedah Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar 2009) - Hukuman Tatatertib

Kaedah 50 memperuntukkan bahawa seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan tersebut boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:

- i. amaran;
- ii. denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
- iii. dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- iv. digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- v. dipecat daripada Universiti.

5.5 Kuatkuasa dan Pindaan

- 5.5.1 Etika Berpakaian Pelajar ini berkuatkuasa daripada tarikh ianya ditandatangani.
- 5.5.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa secara bertulis.



Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Bertarikh: 18/5/11